



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“KECERDASAN BUATAN: ADAB PENGGUNAANNYA BERPANDUKAN SYARAK”

7 Februari 2025 / 8 Syaaban 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk: “**KECERDASAN BUATAN: ADAB PENGGUNAANNYA BERPANDUKAN SYARAK**”

Firman Allah SWT, ayat 1 hingga 5 surah al-‘alaq:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ① خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ② أَقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ③ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ④ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ⑤

Bermaksud: Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, - Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, - Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.

Islam amat mementingkan ilmu pengetahuan dan pembelajaran. Ayat 1 hingga 5 surah al-Alaq yang khatib bacakan di permulaan khutbah merupakan seruan untuk menuntut ilmu, agar manusia keluar daripada kegelapan kejahilan, di samping mengambil tanggungjawab mengembangkan ilmu pengetahuan. Ummah yang bijak memanfaatkan

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



ilmu pengetahuan dengan kaedah yang betul dan untuk tujuan yang baik, adalah ummah terpuji yang mendapat petunjuk Ilahi.

Perkembangan ilmu teknologi moden kini merupakan hasil daripada penggunaan akal fikiran, bertujuan untuk memudahkan urusan kehidupan manusia. Antara teknologi moden kini ialah teknologi kecerdasan buatan atau '*Artificial Intelligence*' (AI). Teknologi kecerdasan buatan ialah satu sistem yang direka menyaingi daya kecerdasan minda manusia; berupaya mengecam suara, memahami bahasa, menganalisis data, menyunting gambar, video dan audio, serta menyelesaikan masalah, juga berupaya membuat keputusan dalam masa yang singkat. Teknologi kecerdasan buatan merupakan alat yang mampu meniru peranan akal manusia bagi menyelesaikan tugas-tugas tertentu.

Jemaah yang dilimpahi rahmat Ilahi

Mimbar menyenaraikan antara manfaat yang diperoleh daripada teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam beberapa perkara:

Pertama: Pendidikan - Teknologi AI digunakan bagi mewujudkan kaedah pembelajaran yang lebih menarik. Pelbagai perisian pendidikan dan alat bantuan belajar dapat dicipta bagi meningkatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.

Kedua: Ekonomi dan perniagaan - AI berupaya mengurus kerja-kerja pengurusan, kewangan dan operasi perniagaan dengan meminimumkan kesalahan dan kesilapan.

Ketiga: Kesihatan - Kebolehan AI mengesan lebih awal penyakit dan berupaya membuat pengesanan yang lebih tepat, jelas dan cepat. Proses pengimbasan kesihatan seperti MRI dan X-ray telah menggunakan teknologi AI untuk mengesan pelbagai penyakit di peringkat permulaan.

Keempat: Keselamatan - AI digunakan dalam sistem pengawasan pintar (CCTV) di tempat perniagaan, tempat kerja mahu pun kediaman, berperanan sebagai alat mencegah jenayah yang lebih berkesan. Terkini, industri automotif pula menawarkan teknologi kecerdasan buatan dipasang di kenderaan untuk meningkatkan tahap keselamatan kenderaan.



Muslimin yang dirahmati Illahi,

Teknologi yang semakin canggih meletakkan manusia semakin bergantung pada peranannya, yang berkemungkinan mengakibatkan beberapa kesan kurang baik dalam kehidupan manusia. Khatib menyenaraikan perkara yang ummah perlu berwaspada dan berhati-hati menangani penggunaan teknologi kecerdasan buatan:

Pertama: Daya berfikir seseorang kian lemah

Kebergantungan keterlaluan pada teknologi kecerdasan buatan boleh menyebabkan manusia hilang daya berfikir, khususnya untuk membuat keputusan dan penilaian terhadap sesuatu perkara. Contohnya seorang pelajar yang bergantung sepenuhnya kepada AI; dibimbangi tidak mampu mengasah daya berfikir sendiri secara kritis, hilang minat membaca secara mendalam, dan akhirnya meniru bulat-bulat jawapan yang diberikan oleh AI tanpa membuat tapisan.

Kedua: Menyebarkan maklumat yang salah

Penggunaan teknologi AI dalam pelbagai saluran boleh membawa permasalahan besar seperti menyiarkan maklumat yang salah dan tidak tepat. Forum Ekonomi Dunia (WEF) pada tahun 2024 memperingatkan, AI berisiko menghakis dan melunturkan demokrasi serta mengundang pemikiran yang lebih bersifat ekstrem. Dari sudut agama Islam, mengambil maklumat yang salah serta tiada sandaran daripada sumber yang sahih boleh mengundang kesesatan. Justeru, maklumat AI yang berkait dengan agama Islam perlu ditapis dan dirujuk terlebih dahulu agar benar-benar sahih.

Ketiga: Kehilangan pekerjaan

Teknologi kecerdasan buatan mampu melakukan tugas manusia yang berbentuk sama dan berulang-ulang seperti pekerjaan operator pengeluaran kilang, perkhidmatan pelanggan, logistik dan sebagainya. Oleh yang demikian tenaga manusia semakin tidak diperlukan lagi dalam bidang-bidang kerja tersebut, mengakibatkan manusia akan kehilangan pekerjaan. Penyelidik dan pakar teknologi menjangkakan dalam masa terdekat, AI bakal menggantikan 80 peratus pekerjaan yang selama ini dilakukan oleh manusia.

Keempat: Keselamatan siber kian terancam

Kebanyakan penjenayah siber menggunakan teknologi kecerdasan buatan untuk memperdaya mangsa. Syarikat-syarikat perniagaan akan menjadi mangsa kerana



terpaksa menghadapi serangan kecurian data perniagaan, penggodaman maklumat, gangguan virus dan pelbagai lagi jenayah yang boleh menjejaskan kestabilan sesebuah perniagaan.

Jemaah Rahimakumullah

Memacu sesuatu kerja sama ada ke arah kebaikan atau pun keburukan bergantung kepada niat, Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ، وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى

Bermaksud: Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat dan sesungguhnya setiap orang mengikut apa yang dia niatkan. (Hadis Riwayat Al-Bukhari)

Mimbar menganjurkan beberapa adab dan akhlak yang perlu dipatuhi semasa menggunakan teknologi kecerdasan buatan:

Pertama: Menjadi kewajipan dan tanggungjawab ummah untuk memastikan teknologi kecerdasan buatan dimanfaatkan hanya untuk perkara kebaikan di samping memastikan tidak menyalahgunakan kecerdasan buatan pada perkara yang bertentangan dengan syariat Islam seperti menipu, mencuri, mencabul hak asasi, mengaibkan seseorang dan sebagainya. **Kedua:** Segala permasalahan berkaitan hukum-hukum Islam, ilmu akidah dan ibadah yang diperoleh dari kecerdasan buatan hendaklah disemak, ditapis dan dirujuk terlebih dahulu dengan ilmuwan Islam serta bahan rujukan yang muktabar. **Ketiga:** Ibu bapa, penjaga dan guru perlu memberikan pendedahan kaedah penggunaan kecerdasan buatan yang betul kepada anak-anak. **Keempat:** Ummah dianjurkan mencontohi kesungguhan ilmuwan Islam terdahulu gigih mencari dan menimba ilmu pengetahuan terutama usaha-usaha menelaah, mengkaji dan menerokai pelbagai bidang ilmu pengetahuan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَانِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Alim! Ya Hadi! bimbing kami dan keluarga kami untuk menggunakan teknologi dan kecerdasan buatan dengan kaedah yang benar dan tujuan yang murni, agar dapat membantu memudahkan urusan kehidupan harian kami. Jauhi kami daripada menyalahgunakan teknologi untuk tujuan dan muslihat yang bercanggah dengan ajaran Mu. Anugerahkan kami kebijaksanaan mempelopori dan menghasilkan teknologi baharu yang mendatangkan kebaikan kepada masyarakat dan alam semesta.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
 عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
 الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ،
 وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
 مَا تَصْنَعُونَ.